

Universiti tingkat dana tabung wakaf

SINAR HARIAN (PERSIDANGAN DUNIA RAKYAT) 21 OKT 2016 M/S6

UNIVERSITI Awam perlu berusaha meningkatkan dana tabung wakaf masing-masing sebagai sumber penjanaan alternatif, kata Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Beliau berkata, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang memulakan penubuhan tabung itu pada 2007 kini mempunyai kira-kira RM364,000, Universiti Putra Malaysia (UPM)(RM7.43 juta), manakala Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)(RM4.24 juta).

Selain itu, Idris berkata, Universiti Sains Malaysia (USM), **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) turut mem-

punyai tabung wakaf, manakala Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dijadual melancarkan tabung wakafnya esok (hari ini).

“Kita berharap, setiap universiti akan dapat menubuhkan tabung wakaf masing-masing menjelang akhir tahun ini,” katanya menjawab pertanyaan **Nasrudin Hassan (Pas-Temerloh)** mengenai pendirian dan perancangan kementerian tentang cadangan mewujudkan dana wakaf pendidikan tinggi di peringkat persekutuan.

Beliau menjelaskan, dana wakaf pendidikan tinggi hanya di peringkat UA dan bukan di peringkat persekutuan. - Bernama